

20/02/2004

IKIM terjemah karya Ibn Battutah 10 tahun

KUALA LUMPUR: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) mengambil masa 10 tahun untuk menyelesaikan penterjemahan karya agung, Pengembaraan Ibn Battutah, dari teks asal berbahasa Arab ke bahasa Melayu.

Pengerusinya, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, berkata tempoh itu jauh lebih singkat berbanding masa 78 tahun yang diambil sebuah pertubuhan, The Hakluyt Society, untuk menyelesaikan terjemahan buku yang sama ke bahasa Inggeris.

Katanya, The Hakluyt Society, organisasi yang berpejabat di London dan ditubuhkan pada 1846 bagi memajukan pendidikan menerusi penerbitan ilmiah rekod pengembaraan dan bahan geografi silam, melakukan terjemahan dan penyusunan indeks buku berkenaan mulai 1922 hingga 2000.

"IKIM cuma mengambil masa 10 tahun untuk menyempurnakan kerja penterjemahan dari bahasa Arab, penyuntingan, penyediaan indeks, nota bab, peta, glosari dan penerbitan karya istimewa ini," katanya pada majlis pelancaran buku Pengembaraan Ibn Battutah di sini, semalam.

Pelancaran buku setebal 967 halaman terbitan IKIM itu dilakukan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang juga penggemar aktiviti pengembaraan dan pelayaran. Baginda berjaya menempa nama dalam buku The Malaysia Book of Records sebagai 'rakyat Malaysia pertama belayar mengelilingi dunia' dengan kapal layar S Y Jugra pada 1998.

Buku itu diterjemah oleh Pensyarah Jabatan Bahasa Asing Universiti Putra Malaysia, Syed Nurul Akla Syed Abdullah dan Felo Penyelidikan (Sejarah dan Falsafah Sains) Institut Pemikiran dan Tamadun Islam Antarabangsa, Adi Setia Muhammad Dom serta disunting bekas Ketua Pengarah Ikim, Datuk Dr Ismail Ibrahim dan Pegawai Penyelidik Ikim, Wan Roslili Abd Majid.

Ahmad Sarji berkata, penterjemahan buku itu ke bahasa Melayu mencipta sejarah kerana kali pertama teksnya diterjemahkan secara menyeluruh ke bahasa berkenaan.

"Dengan terjemahan di dalam bahasa Melayu sudah pasti karya Rihlah Ibn Battutah akan terus hidup dengan melangkaui satu lagi bahasa di dunia," katanya.

Idea untuk menterjemahkan karya itu dicetuskan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad sewaktu menjadi Perdana Menteri.

Ibn Battutah adalah satu-satunya pengembara zaman silam yang diketahui berjaya menjelajah ke seluruh negara Islam. Pengembara yang berasal dari Maghribi itu berbuat demikian ketika berusia 21 tahun dengan niat untuk menunaikan haji dan menziarahi makam Rasulullah.

Kisah pengembaraannya merentas benua Afrika, Eropah dan Asia selama 29 tahun itu yang dibukukan dengan judul Rihlah Ibn Battutah kini berusia hampir 700 tahun serta menjadi khazanah ilmu dan harta intelek dunia paling berharga dalam bidang pengembaraan dan geografi dunia.

Kehebatannya pernah diakui majalah National Geographic yang memartabatkannya sebagai Prince of Travellers dalam keluaran Disember 1991 serta mengakui pengembaraan Ibn Battutah sejauh 120,000 kilometer itu adalah tiga kali ganda lebih jauh daripada ahli pelayaran Eropah, Marco Polo.

Sungguhpun manuskrip berbahasa Arab itu tersebar di kalangan sarjana di Afrika Utara, Afrika Barat, Mesir dan beberapa negara Islam selepas 400 tahun Ibn Battutah meninggal dunia, ia hanya mula diketahui di luar dunia Islam pada awal kurun ke-19 apabila dua ilmuwan Jerman menerbitkan secara berasingan terjemahan beberapa bahagian buku itu daripada teks yang

diperoleh di Timur Tengah.